

| | | | |
|------------|----------------|---------|-------|
| TARIKH | 19 / 06 / 2014 | SEKSYEN | DUNIA |
| MUKA SURAT | 43 | RUANGAN | |


Mesti terus waspada walau kes MERS-CoV kurang

Geneva: Kes membabitkan virus korona Sindrom Per-nafasan Asia Barat (MERS-CoV) dilaporkan sudah semakin berkurangan tetapi negara-negara dinasihati terus dalam keadaan berjaga-jaga, terutama jemaah yang mahu ke Arab Saudi yang paling teruk terjejas dengan penyakit itu, kata Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Peningkatan kes yang bermula sejak April itu kini sudah menunjukkan pengurangan dan tiada bukti menunjukkan ia berpindah antara manusia kepada manusia dalam masyarakat," katanya dalam satu kenyataan.

Bagaimanapun, keadaan perlu terus diberikan perhatian berikutan meningkatnya perjalanan ke Arab Saudi berkaitan dengan umrah di bulan Ramadan dan ibadat Haji," kata agensi kesihatan PBB itu.

Kenyataan itu dikeluar kan selepas satu sidang video membabitkan pegawai kesihatan dari tujuh negara, Algeria, Iran, Jordan, Belanda, Arab Saudi,



Jemaah wanita memakai **topeng penutup mulut dan hidung** ketika mengerjakan umrah di Makkah, Arab Saudi, baru-baru ini.

[FOTO AFP]

Emiriah Arab Bersatu dan Amerika Syarikat yang mempunyai kes MERS-CoV.

WHO berkata, Jawatan kuasa Kecemasan bagi MERS-CoV pertubuhan itu dengan sebulat suara merumuskan bahawa keadaan berkenaan perlu diisyiharkan di seluruh ne-

gara supaya berjaga-jaga.

Tingkat pemantauan

Bagaimanapun ia menggesa negara, terutama di Afrika untuk meningkatkan pemantauan, meningkatkan kesedaran awam dan melaksanakan prosedur asas daripada dijangkiti.

AGENSI